



GEREJA KRISTUS LIKAS

Mengenal dan Memperkenalkan Kristus

Bisyp Diosis: The Rt. Rev. Datuk Melter Jiki Tais

Suffragan Bisyp: The Rt. Rev. Kenneth Thien Su Yin

Rektor: Ven. (E) Moses Chin



Hubung

P.O. Box 18510, Pejabat Pos Besar Kota Kinabalu,
88670 Kota Kinabalu, Sabah

Pejabat: 088-426312, 213220 | Mudah alih: 019-6611558

<http://christchurchlikas.org/> | cclikas@gmail.com

Trinititi 1 - 7 Jun 2026

Doa Hari Ini

Allah Mahakuasa dan kekal, oleh Roh-Mu seluruh tubuh Gereja diperintah dan dikuduskan; dengarlah doa kami bagi semua umat-mu yang setia, supaya masing-masing dalam panggilan dan pelayanannya melayani Engkau dalam kekudusan dan kebenaran untuk kemuliaan Nama-Mu, melalui Yesus Kristus Tuhan dan Penyelamat kami. Amin.

Injil - Matius 22:37-40

Bacaan Responsif - Kejadian 33:1-17

Habakuk 3:18

**NAMUN AKU AKAN
BERSORAK-SORAK**

“Ya Tuhan Yesus yang bangkit,
ajar saya menyembah-Mu dengan
sukacita.”

Kebaktian BM disiarkan secara langsung, 11:30 pagi.:

- YouTube: <https://www.youtube.com/>

[@christchurchlikas/streams](https://www.youtube.com/@christchurchlikas/streams)

Selamat datang ke pertemuan jemaat Tuhan. Marilah kita bersama-sama menghadap Tuhan Yesus yang telah bangkit, dan saling menguatkan untuk hidup setia dan mentaati-Nya.

1. SELAMAT DATANG

Dengan sukacita, kami mengalu-alukan Rev. Dr. Thomas Chin bersama isteri, Puan Nee Chin (Baptist Theological Seminary, Penang), yang akan melayani dalam Ibadah ENG. Kami juga mengalu-alukan Rev. Dr. Suardin Gaurifa (Sekolah Tinggi Teologia Pelita Kebenaran, Medan, Indonesia), yang akan melayani dalam Ibadah BM. Semoga kehadiran mereka menjadi berkat bagi kita semua.

Kami juga mengalu-alukan Encik Lee Yuk Fatt (李育发), 83, ke dalam persekutuan gereja setelah dibaptis di ARK semalam.

2. DENGAN KASIH & BELAS KASIHAN

Hari ini adalah Hari Kebajikan Diosis. Kita berdoa dan memberi sumbangan kepada Jawatankuasa Kebajikan Diosis bagi kerja-kerja kebajikan di diosis kita—termasuk membantu mereka yang terjejas oleh bencana alam serta mereka yang memerlukan rawatan di hospital, juga pemberian bantuan kepada pelajar yang melanjutkan pelajaran. Mohon sumbangan yang murah hati. Sila rujuk surat Pengerusi untuk maklumat lanjut.

- "Bazar Kebajikan & Misi" hari ini. Semua hasil akan disalurkan kepada kerja kebajikan dan misi.

3. SETINGGI-TINGGI UCAPAN TERIMA KASIH

Terima kasih atas doa dan sokongan bagi dua acara besar GenBreak yang berlangsung minggu lalu. Lebih 400 orang telah mendaftar untuk acara keluarga CHI & ENG di KK, manakala kira-kira 900 muda-mudi dan belia menghadiri acara BM di Keningau. Semuanya berjalan dengan baik. Syukur kepada Tuhan dan terima kasih atas doa anda.



4. SELAMAT BERSARA

Kami mengucapkan selamat hari lahir kepada Pastor Margaret Chong yang akan menyambut ulang tahun kelahirannya esok, 8 Jun. Tarikh ini juga menandakan persaraan rasminya dari Diosis Sabah. Kami merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas tahun-tahun pelayanan beliau yang penuh pengorbanan dalam pelbagai kapasiti dan di pelbagai gereja di seluruh diosis. Kami ucapkan "happy re-tyre-ment"

5. KELAS-KELAS PEMBAPTISAN DAN PENETAPAN

Kelas-kelas telah bermula mengikut ketetapan berikut:

- Bahasa Cina:

- Sab & Ahd, 10:00 pg, di ARK
- Rabu, 7:30 mlm
- Bahasa Inggeris, pejabat gereja:
 - Sel, 7:30 mlm
 - Jum, 7:30 mlm
 - Sab, 9:30 pg
- Bahasa Melayu, pejabat gereja:
 - Ahd, 9:30 pg
 - Sab, 3:30 ptg
 - Sab, 7:00 mlm

Kelas-kelas ini membantu para calon untuk memahami iman Kristian dan menghidupi kehidupan sebagai seorang Kristian.

6. SAMBUTAN ULANG TAHUN KE-57 CCL

Pada hari Ahad akan datang, 14 Jun, kita akan menyambut ulang tahun penubuhan gereja kita yang ke-57. Ibadah pertama telah diadakan pada 22 Jun 1969. Bisyop Datuk Melter Tais akan mengadakan lawatan rasmi bishop, serta bersama-sama kita meraikan peristiwa penuh syukur ini.

7. HARI BAPA

Hari Bapa akan disambut pada 21 Jun. Selain Ibadah Minggu, dua aktiviti turut diadakan:

- Pertandingan *Pickleball* pada Sabtu, 20 Jun. Setiap pasukan mesti mempunyai seorang bapa. Sila daftar.
- Hari-HaHa pada Ahad, 21 Jun. Hari sukaneka keluarga tahunan kita untuk meraikan ulang tahun gereja. Sila daftar.

8. PELAYANAN LAINNYA

- 15 Jun - **Persekutuan Doa ADOS-W**, Katedral All Saints.
- 25 Jun - **Perjamuan Kudus Rumah**. Hubungi pejabat gereja.
- Setiap Ahad petang, **sukan & permainan** tersedia: pickleball, bola keranjang, bola sepak dan bola tampar. Bawa rakan-rakan anda.
- **Gubahan Bunga** hari ini disumbangkan oleh Ps. Margaret Chong.

9. SUKARELAWAN DIPERLUKAN

Pemberitahuan awal: kami sedang mencari sukarelawan untuk membantu Kem Kanak-Kanak ADOS-W yang akan diadakan pada 30 Ogos–2 September di gereja kita. Kami memerlukan tenaga dalam pasukan pengajaran, muzik, memasak, logistik, multimedia, serta keselamatan dan kawalan. Dan yang paling penting, para pendoa syafaat. Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Ps. Margaret.

UNTUK PEMBERIAN DALAM TALIAN

RHB Bank | 2-10103-0001913-1

Christ Church Likas

Boost: <https://myboost.app.link/FPvG94VIT4>



'YANG KUKEHENDAKI IALAH MENGENAL KRISTUS'

- Filipi 3:10

Bacaan Alkitab minggu ini	Is, Jun 8	Yak 4	Mz 145	Jum, Jun 12	1 Ptr 3	Mz 149
	Sel, Jun 9	Yak 5	Mz 146	Sab, Jun 13	1 Ptr 4	Mz 150
	Rab, Jun 10	1 Ptr 1	Mz 147	Ahd, Jun 14	1 Ptr 5	Mz 1
	Kha, Jun 11	1 Ptr 2	Mz 148			



UNTUK DIDOAKAN

Komuniti yang Kita Kasih

- Pada Minggu Kebajikan ini, kita berdoa untuk kerja kebajikan kerajaan, pelbagai NGO, dan Diosis kita. Semoga kita peka dan penuh kasih dalam membantu golongan yang memerlukan.

Diosis yang Kita Kasih

- Bersyukur atas kejayaan dan keselamatan penganjuran acara Gen-Break di KK dan Keningau. Semoga hasilnya terus bertumbuh dan memberi kesan yang baik.

Diri sendiri

- Berdoa agar kita tetap bersukacita dalam penyembahan walau dalam keadaan mencabar.

- Doakan untuk mereka yang dalam keperluan khusus, baik minda atau rohani; dan untuk 5 sahabat kita. Namakan mereka dalam doa anda.

MESEJ UNTUK MINGGU KEBAJIKAN DIOSIS 2026

Shalom dan salam sejahtera kepada saudara-saudari yang dikasihi dalam Kristus, dalam nama perkasa Tuhan kita Yesus Kristus. Kini, kita sekali lagi berada dalam bulan Jun 2026 dan Minggu Kebajikan Diosis sudah menjelang tiba. Semua ahli Lembaga Kebajikan dan Bantuan Bencana Diosis (DW&DR) ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih atas segala doa dan sumbangan kewangan yang telah diberikan sepanjang tahun 2025. Kemurahan hati anda telah membolehkan kami untuk meneruskan misi dan pelayanan kami, walaupun secara sederhana tetapi penuh bermakna, untuk membantu dan memulihkan keperluan dan kehidupan umat Allah dalam Diosis kita. Allah yang Maha Kuasa telah menunjukkan kasih kurnia dan belas kasihan-Nya memimpin kami setiap kali kami mencari hikmat dan pimpinan-Nya dalam pelayanan lembaga ini. Sesungguhnya, kami berharap dan berusaha untuk melakukan yang lebih baik dari tahun ke tahun.

1) Pelayanan Pusat Pembelajaran Alternatif Seguntor di bawah jagaan Gereja St Michael dan Semua Malaikat, Sandakan telahpun terlibat dalam pelayanan pendidikan komuniti dalam kalangan anak-anak pekerja asing tanpa dokumen di kawasan Seguntor selama bertahun-tahun. Pusat pembelajaran ini beroperasi dengan peruntukan tahunan yang agak besar dan kebanyakan masa beroperasi dalam keadaan defisit. Namun demikian, visi mereka tetap teguh dan bermatlamat. Lembaga DW&DR dengan setia telah memperuntukkan geran tahunan sebanyak RM80,000.00 kepada mereka sejak beberapa tahun yang lalu. Semoga kita terus memberikan sokongan padu terhadap visi pusat pembelajaran ini.

2) Persekutuan Penjara Sabah – Lembaga DW&DR telah menyalurkan geran tahunan sebanyak RM30,000.00 untuk menyokong kerja dan pelayanan mereka dalam kalangan para banduan di penjara-penjara Sabah. Visi dan misi mereka amat penting dan wajar dipuji kerana mereka membantu bekas banduan untuk berintegrasi semula ke dalam masyarakat selepas dibebaskan.

3) Pendidikan – Lembaga DW&DR telah menerima lebih dari dua puluh permohonan Geran Pengajian Pelajar sekali sahaja untuk melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi tempatan, dan sepanjang tahun tersebut sebanyak dua puluh permohonan telah diluluskan. Kami berusaha untuk membantu lebih ramai dalam bidang ini agar lebih ramai lagi pelajar, khususnya dari kawasan pedalaman, mempunyai peluang yang lebih baik untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi dan menikmati masa depan yang lebih cerah. Pada tahun lalu, Lembaga DW&DR telah menggunakan sejumlah RM30,500.00 untuk tujuan yang bermakna ini.

4) Bantuan Kewangan – Lembaga DW&DR turut menyediakan pelbagai bentuk bantuan kewangan kepada ahli-ahli dalam diosis kita yang terjejas akibat bencana sepanjang tahun lalu. Kami telah meluluskan lebih dari RM98,000.00 untuk Dana Bantuan Banjir kepada keluarga-keluarga yang terjejas di kawasan Kota Marudu, Segama, Sandakan, Nangoh, Pitas, Silabukan, Keningau dan Beaufort semasa kejadian banjir besar pada bulan Februari yang lalu. Kami juga telah menyalurkan Dana Bantuan Kebajikan Keluarga kepada beberapa ahli yang memerlukan di Kolombong, Papar dan Misi Sook. Selepas gempa bumi besar berukuran 7.7 magnitud yang telah melanda Myanmar pada bulan April lalu, Bishop Melter Tais telah menyeru seluruh diosis kita untuk berdoa dan membantu saudara-saudari seiman di Myanmar melalui Dana Bantuan Gempa Bumi Myanmar.

Sebagai tanda keprihatinan dan kemurahan hati ahli-ahli diosis kita, sejumlah lebih dari RM126,000.00 telah berjaya dikumpulkan dan disalurkan melalui Lembaga DW&DR.

Seiring dengan usaha Lembaga DW&DR untuk terus menjangkau, membantu dan memberkati lebih ramai orang, saya ingin menggalakkan setiap ahli diosis untuk memberi dengan rela hati dan penuh pengorbanan demi perluasan Kerajaan Allah. Sambil berbuat demikian, mohon agar anda terus menyokong Lembaga Kebajikan dengan doa yang sungguh-sungguh.

Anda boleh menyalurkan sumbangan melalui gereja tempatan masing-masing dengan menggunakan sampul gereja atau sampul biasa dan menulis "Untuk Dana Kebajikan Diocesan". Sebagai alternatif, anda juga boleh membuat pindahan atau memasukkan persembahan anda ke Akaun Public Bank DIOCESE OF SABAH No. 324-5731-706 atau Akaun RHB Bank No.2101-03-0000-9829 dengan menyatakan "Untuk Dana Kebajikan Diosis" daripada (nama gereja anda). Sila hantar slip bank kepada Bahagian Akaun Diosis kami melalui WhatsApp (016-8333371) atau e-mel: lilyliou@gmail.com

Semoga Tuhan yang penuh kasih kurnia memberkati kita dengan kelimpahan semasa kita dengan senang hati melayani mereka yang memerlukan bantuan. Saya dan ahli-ahli Lembaga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas sumbangan yang diberikan dengan setia. Puji Tuhan!

Dalam Kristus kami melayani,

Pengerusi Lembaga Kebajikan dan Bantuan Bencana Diosis